



LEBUH Raya Utara Selatan mengalami kesesakan teruk ekoran penutupan laluan Terowong Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) di Kuala Lumpur, semalam.

Laluan SMART mungkin ditutup hingga 30 Mac

KUALA LUMPUR 24 Mac - Penduduk ibu kota akan terus berdepan dengan masalah kesesakan jalan raya terutama pada waktu puncak ekoran penutupan sementara laluan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) di sini.

Hujan lebat dengan ribut petir pada sebelah petang di ibu negara yang kerap berlaku sekarang diramal berterusan sehingga 30 Mac ini dan ia dijangka memburukkan lagi keadaan.

● Lagi berita, gambar di muka 16

Terowong SMART ditutup oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak Sabtu lalu untuk membolehkan penyaluran air ke kolam-kolam takungan bagi mengelak banjir kilat di ibu negara ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lepas.

Pihak SMART setakat ini belum dapat memastikan bila terowong itu akan dibuka semula kerana ia bergantung kepada keadaan cuaca semasa.

Kesesakan lalu lintas paling teruk berlaku hari ini yang mengakibatkan deretan kenderaan sejauh kira-kira 15 kilometer dan berlarutan selama lebih empat jam.

Sehubungan itu, orang ramai yang ingin memasuki ibu kota dinasihatkan supaya menggunakan laluan alternatif.

Pengurus Perhubungan Awam SMART, Wan Azhar Wan Yeop ketika dihubungi petang ini memberitahu, SMART terpaksa ditutup sebagai langkah keselamatan.

"Kita berharap pengguna lebuh raya SMART bersabar semasa sistem pengoperasian banjir ini diaktifkan," jelasnya.

SMART tutup ibu kota sesak

KUALA LUMPUR 24 Mac - Ribuan pemandu terutama yang ingin ke pejabat pada pagi ini terperangkap dalam kesesakan teruk berpunca daripada penutupan laluan Terowong Air Banjir dan Jalan Raya (SMART).

Kesesakan sejak pukul 7.30 pagi sehingga 11.30 pagi itu bermula dari persimpangan Plaza Tol Kajang di Lebuh Raya Utara Selatan arah utara dan sepanjang Lebuh Raya Hubungan Seremban-Kuala Lumpur mulai Plaza Tol Sungai Besi sehingga ke pusat bandar raya.

Ekoran kesesakan di kedua-dua lebuh raya itu yang menjadi laluan utama ke pusat bandar raya, ia menyebabkan keadaan sama di Lebuh Raya Sungai Besi (Besraya) bermula dari pekan Salak Selatan sehingga persimpangan Jalan Istana/Jalan Sungai Besi.

Beberapa jalan utama menuju pusat bandar raya juga mengalami kesesakan berikutan penutupan terowong itu terutama di Jalan Tun Razak menghala ke selatan.

Laluan kenderaan di terowong sejauh tiga kilometer itu selama ini menjadi alternatif kepada warga kota.



KHALILAH

Ia bermula di simpang Taman Desa yang dihubungkan melalui Lebuh Raya Hubungan Seremban-Kuala Lumpur dekat Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi sehingga ke Bulatan Kampung Pandan untuk menghubungkannya dengan Jalan Tun Razak.

Sehingga kini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang mengarahkan pihak SMART melakukan penutupan untuk tujuan penyaluran air tidak menyatakan bila terowong laluan kenderaan itu akan dibuka semula.

Pengurus Perhubungan Awam SMART, Wan Azhar Wan Yeop yang dihubungi memberitahu, terowong itu ditutup bagi membolehkan penyaluran air dari sungai pusat bandar ke kolam-kolam takungan dilakukan bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat jika berlaku hujan lebat di ibu negara.

Katanya, akibat hujan lebat beberapa hari lalu dan air sungai utama ibu negara berada paras tinggi, penyaluran terpaksa dilakukan secara perlahan-lahan.

"Ketika ini, air Sungai Klang dan Kerayong meningkat kerana hujan lebat dan dijangka berterusan seminggu lagi," katanya.

Beliau berkata, arahan penutupan terowong itu oleh JPS berjaya menyelamatkan imej negara daripada mengalami banjir kilat semasa berlangsungnya Grand Prix Malaysia F1 di Sepang semalam.

Menurut laman web Jabatan Meteorologi, pihaknya meramalkan hujan lebat dengan ribut petir pada sebelah petang di ibu negara ketika ini akan berterusan sehingga 30 Mac ini.

Sementara itu, Pengurus Besar Komunikasi Korporat, PLUS Expresway Berhad, Khalilah Mohd. Talha berkata, pemantauan trafik pihaknya mendapati kesesakan berlaku semasa waktu puncak di sebelah pagi ketika orang ramai berpusu-pusu mahu ke tempat kerja.

"Bagaimanapun kesesakan itu beransur pulih mulai pukul 11.30 pagi dan selepas itu keadaan kembali lancar," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, kata Khalilah, ekoran kesesakan teruk hari ini, mulai esok pihaknya akan memaparkan maklumat trafik di papan pesanan elektronik (VMS) di dua lokasi iaitu sebelum Plaza Tol Nilai dan Plaza Tol Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Ia bagi membolehkan pengguna lebuh raya memilih laluan alternatif dan mengelakkan menggunakan laluan yang sesak ke pusat bandar raya," katanya.